

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8

Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan catat 50.35%

Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan catat 50.35%

Meningkat setakat 15 Ogos 2022 berbanding 26.4 peratus pada April lalu

KUALA LUMPUR

Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2022 setakat 15 Ogos mencapai peningkatan sehingga 50.35 peratus berbanding 26.4 peratus pada 15 April lepas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) Bilangan 2 Tahun 2022 yang dipengerusikannya pada Jumaat dan turut dihadiri ahli-ahli kabinet, ketua jabatan serta agensi.

"Semua kementerian digesa meningkatkan prestasi perbelanjaan. Peruntukan yang tidak dibelanjakan perlu diserahkan kembali kepada Kementerian Kewangan untuk diagihkan semula kepada kementerian-kementerian yang memerlukan," menurutnya dalam kenyataan di sini.

Perdana Menteri berkata, Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMK12 dan Jawatankuasa Pemudahcara Pelaksanaan Projek

Pembangunan Negara (JP4N) akan terus meneliti isu serta cabaran semasa bagi mempercepat pelaksanaan projek pembangunan dalam tempoh RMK12 demi manfaat Keluarga Malaysia.

Selain itu, beliau berkata, mesyuarat bersetuju supaya Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri (EPU JPM) menyediakan Kajian Separuh Penggal RMK12 bagi meneliti dan menyemak semula dasar serta sasaran sedia ada agar matlamat pembangunan yang disasarkan dapat dicapai dan proses itu akan bermula dari September tahun ini hingga September 2023.

Selaras dengan sasaran mencapai status negara berpendapatan tinggi yang inklusif serta mamparn pada 2025, Ismail Sabri berkata, mesyuarat bersetuju membuat pemantauan rapi dan berterusan ke atas pencapaian indikator utama.

Jelasnya, ia termasuk memastikan pelaksanaan intervensi yang perlu ekoran ketidakentuan ekonomi dunia, konflik geopolitik yang mempengaruhi kenaikan inflasi dan perubahan struktur ekonomi negara yang perlakan.

Ujarnya, Malaysia telah menjadi negara menua pada 2021 dan dijangka menjadi negara tua pada 2044.

Perdana Menteri berkata, negara menua ditakrifkan sebagai populasi berusia 65 tahun ke atas mencapai tujuh peratus daripada jumlah populasi ma-

“

Semua kementerian digesa meningkatkan prestasi perbelanjaan. Peruntukan yang tidak dibelanjakan perlu diserahkan kembali kepada Kementerian Kewangan untuk diagihkan semula kepada kementerian-kementerian yang memerlukan."



ISMAL SABRI

nakala negara tua ditakrifkan sebagai populasi yang berusia 65 tahun ke atas mencapai 14 peratus daripada jumlah populasi.

Justeru itu, mesyuarat bersetuju dengan mekanisme mengarus perdana agenda negara menua dan penyediaan kerangka Agenda Negara Menua yang akan diselaras oleh EPU JPM.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga fokus untuk mencapai matlamat sifar miskin tegar menjelang hujung 2025 menerusi Program Pembasman Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang bermula pada akhir April tahun ini bagi fasa satu membabitkan 80 lokaliti dan kira-kira 5,000 Ketua Isi Rumah (KIR) secara rintis. - Bernama